



Ruj.Kami : JPA.BK(S) 134/8/103 (38)

Tarikh : 28 April 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin/ Tuan/ Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN / OPERASI) [PT(P/O)] GRED N28 PERKHIDMATAN GUNASAMA
PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) [PT(P/O)] Gred N28 bagi mengisi kekosongan jawatan ini di Kementerian / Jabatan / Agensi di sekitar **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor**. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon kerjasama pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk mengemukakan maklumat PT(P/O) Gred N26 yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26 pada **31 Disember 2017 dan sebelum;**
- 2.2 **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N26 berubah ke tarikh 1 Januari 2018 dan seterusnya;**
- 2.3 Markah LNPT tahun terkini (2020) dan wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2018, 2019 dan 2020) **tidak kurang 80%;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti dilampirkan. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian / Jabatan / Agensi hendaklah melengkapkan maklumat pegawai terlibat berdasarkan format yang dilampirkan di **Lampiran D** dan kemudian mengemukakan ke Bahagian Perkhidmatan, JPA di alamat e-mel seperti di Perenggan 5 sebelum atau pada 1 Jun 2021.

4. BPSM Kementerian / Jabatan / Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan juga perlu memastikan **hanya maklumat pegawai yang layak dipertimbangkan sahaja** seperti dinyatakan di **Perenggan 2** dikemukakan ke Bahagian Perkhidmatan, JPA. Selain itu, BPSM perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan maklumat yang dicatatkan di dalam buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini**. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak BPSM boleh menyebabkan urusan pemangkuan pegawai tersebut tidak dipertimbangkan. Maklumat pegawai yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

5. Bersama-sama ini disertakan Prosedur Urusan Persediaan Pengisian Kekosongan Jawatan PT(P/O) Gred N28 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan seperti di **Lampiran 1** untuk panduan dan rujukan. Sebarang pertanyaan berhubung urusan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| i. | Tuan Syed Zahrin bin Syed Abdul Rani
zahrin.rani@jpa.gov.my | - | 03-88854943 |
| ii. | Cik Nur Hafizah binti Sazali
hafizah.sazali@jpa.gov.my | - | 03-88854320 |

6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

"PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN"

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama

Bahagian Perkhidmatan

b.p. : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA



: 03-8885 4110



: nursara.abdullah@jpa.gov.my

**PROSEDUR URUSAN PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN
JAWATAN PT(P/O) GRED N28 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

